

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**

**PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**

**TARIKH : 30 MAC 2015 (ISNIN)**

**NO. SOALAN :**

Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang serta mekanisme pengurusan, jumlah wang yang dibayar, jumlah hutang yang perlu ditanggung serta bilakah kerja pengorekan dasar laut sebanyak RM353 juta untuk mendalamkannya kepada 15 meter akan dimulakan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. telah mengambil alih operasi dan pengurusan Pelabuhan Pulau Pinang termasuk pengambilalihan kakitangan pelabuhan berkenaan. Pembayaran sebanyak RM170 juta bagi tujuan pengambilalihan ekuiti juga telah dibuat oleh Syarikat Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. Walaubagaimanapun, pemindahan ekuiti dari Syarikat Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) kepada Syarikat Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. masih di dalam proses kerana pihak syarikat sedang berunding dengan pihak bank-bank yang terlibat untuk menstrukturkan semula hutang PPSB yang berjumlah melebihi RM1.2 bilion.

Bagi kerja-kerja pengerukan dasar laut kepada kedalaman 15 meter, ianya akan dilaksanakan berdasarkan perancangan syarikat dan keperluan daripada kapal-kapal yang berlabuh di Pelabuhan Pulau Pinang. Kerja-kerja pengerukan ini akan dipantau oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang memandangkan ianya merupakan sebahagian daripada obligasi syarikat sepertimana di dalam Perjanjian Penswastaaan.

Sekian, terima kasih.